

BIMBINGAN UNTUK PEMBELI-BELAH BAGI

# KOSMETIK SELAMAT

Dari Kumpulan Kerja Alam Sekitar Amerika

## AGAR LEBIH SELAMAT

Dengan tanpa ujian keselamatan diperlukan, syarikat kosmetik boleh menggunakan hampir-hampir sebarang bahan kimia yang mereka mahu, tanpa mengira risikonya. Sentiasa baca label produk sebelum anda membeli.

### 6 BAHAN PALING UTAMA YANG PERLU DIHINDARI

1. Haruman Tiruan
2. Asid Hidroksi Alfa & Beta (AHA, BHA, asid laktik, asid glikolik)
3. Paraben (metilparaben, propilparaben)
4. Trietanolamina
5. Iodopropynyl butylcarbamate
6. Triclosan (kimia cecair antimikrob)

## 5 CARA BELI-BELAH SELAMAT

1. **Guna sabun biasa.** Hindari buku sabun mandi atau kecantikan yang ada haruman tiruan, pewarna dan pengawet.
2. **Jangan percayai segala dakwaan.** Pengilang tidak perlu mengemukakan bukti untuk istilah seperti diuji ahli dermatologi, asli dan organik. Baca bahan-bahannya.
3. **Beli produk bebas haruman tiruan.** Produk yang mempunyai “haruman” pada senarai bahan-bahannya mungkin mengandungi bahan kimia berkaitan masalah alahan dan pembiakan.
4. **Hindari produk yang mempunyai bahan-bahan proprietari atau tanda dagangan** seperti “pengawet” atau “warna” yang mungkin mengandungi bahan kimia yang membimbangkan.
5. **Yang lebih ringkas biasanya lebih selamat.** Lebih sedikit bahan-bahannya biasanya bermakna lebih rendah risikonya.

## PENGILAT KUKU

Ftalat, bahan biasa dalam pengilat kuku, telah dikaitkan dengan kecacatan pembiakan bayi lelaki yang ibunya telah terdedah kepada bahan ini.

### HINDARI 6 BAHAN PALING UTAMA, SERTA

- Dibutil Ftalat
- Formaldehid
- Toluena

### CARA LEBIH SELAMAT UNTUK MENGGUNAKAN PENGILAT KUKU

- Guna dalam kawasan yang baik pengudaraannya
- Jangan guna ketika hamil

## PELINDUNG MATAHARI

Gunakan selalu, terutamanya selepas berenang, berpeluh atau mengeringkan badan. Iodin yang mencukupi dalam diet anda akan melindungi daripada kemungkinan risiko tiroid dari beberapa bahan pelindung matahari.

### HINDARI 6 BAHAN PALING UTAMA, SERTA

- Padimate-O
- Asid para-aminobenzoik

### BAHAN-BAHAN BERISIKO RENDAH

- Titanium Dioksida
- Zink Oksida

## PEWARNA RAMBUT

Pendandan rambut atau wanita yang sering menggunakan pewarna rambut gelap dan kekal mungkin terdedah kepada risiko limfoma bukan Hodgkin dan barah pundi kencing.

**PRODUK YANG PERLU DIHINDARI**

Pewarna rambut gelap dan kekal

**PRODUK BERISIKO RENDAH**

Pewarna rambut berwarna cerah yang jarang digunakan

## PENCERAH KULIT

Pencerah kulit mengandungi bahan-bahan yang menyebabkan tindak-balas alah dan menimbulkan kebimbangan masalah barah.

**HINDARI 6 BAHAN PALING UTAMA, SERTA**

Hidrokuinon

Natrium nitrat

**CARA LEBIH SELAMAT UNTUK MENGGUNAKAN PENCERAH KULIT**

Hindari produk-produk ini atau jarang menggunakannya

## ANTI PENUAAN

Produk anti penuaan biasanya mengandungi asid yang memusnahkan struktur kulit, mempercepatkan penuaan kulit dalam beberapa ketika, dan kemungkinan meningkatkan risiko barah kulit.

**HINDARI 6 BAHAN PALING UTAMA, SERTA**

Asid Laktik dan Asid Glikolik

AHA (Asid hidroksi alfa)

BHA (Asid hidroksi beta)

**CARA LEBIH SELAMAT UNTUK MENGGUNAKAN PRODUK ANTI PENUAAN**

Hindari produk-produk ini atau jarang menggunakannya

## MENJADIKAN KULIT PERANG TANPA MATAHARI

Menjadikan kulit perang tanpa matahari tidak melindungi kulit daripada sinaran UV yang berbahaya dan mungkin mengandungi bahan-bahan yang menimbulkan risiko barah.

**HINDARI 6 BAHAN PALING UTAMA, SERTA**

Dihidroksiaseton

Kumarin

**CARA LEBIH SELAMAT UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN YANG MENJADIKAN KULIT BERWARNA PERANG TANPA MATAHARI**

Jarang menggunakannya, kalaupun teringin

Gunakan pelindung matahari walaupun kulit anda kelihatan berwarna perang

# KETAHUI LEBIH LANJUT

**Cari dalam pangkalan data EWG - Skin Deep.**
Produk anda tidak terdapat antara kategori berisiko tinggi yang ditekankan di sini? Hindari keenam-enam bahan paling utama, dan untuk panduan lebih lanjut mengenai produk berisiko lebih rendah, layari **www.ewg.org/skindeep/**.

**Langgan surat berita elektronik EWG.**
Daftar diri di **www.ewg.org/newsletter/subscribe/**.

**Sokong tugas-tugas kami**
Bantu kami mengekalkan pangkalan data Skin Deep dengan menyumbang di **www.ewg.org/donate/**.

ENVIRONMENTAL WORKING GROUP